



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

LAWATAN KERJA KE REPUBLIK TURKIYE PADA 22 APRIL 2025 DAN PENYERTAAN MALAYSIA DALAM *SUMMIT ON THE FUTURE OF ENERGY SECURITY* PADA 24 HINGGA 25 APRIL 2025 DI LONDON, UNITED KINGDOM

PUTRAJAYA, 20 April 2025 - Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof akan mengadakan lawatan kerja rasmi ke Turkiye dan London bertujuan meneroka peluang kerjasama antara Malaysia dan kedua-dua negara dalam bidang peralihan tenaga.

Ketika di Turkiye, beliau akan mengadakan beberapa kunjungan hormat semasa lawatan kerja di Ankara, Turkiye pada 22 April 2025. Lawatan Kerja ke Republik Turkiye ini merupakan susulan lawatan rasmi Presiden Republik Turkiye, TYT Recep Tayyip Erdogan ke Malaysia pada 10 hingga 11 Februari 2025.

Sesi kunjungan hormat YAB Timbalan Perdana Menteri bermula dengan kunjungan hormat ke atas TYT Cevdet Yilmaz, Timbalan Presiden Republik Turkiye, diikuti dengan kunjungan hormat ke atas TYT Alparslan Bayraktar, Menteri Tenaga dan Sumber Asli Turkiye untuk meneroka potensi kerjasama dalam bidang peralihan tenaga susulan pertukaran Surat Hasrat di antara Kerajaan Malaysia dan Turkiye. Selain itu, YAB Timbalan Perdana Menteri turut mengadakan lawatan kerja ke Syarikat

GEAS untuk meneroka potensi kerjasama yang dapat dilaksanakan dalam bidang strategik tersebut.

Republik Turkiye merupakan antara negara terbesar dalam penghasilan tenaga boleh baharu (TBB) di benua Eropah dan dunia, dengan keupayaan menghasilkan lebih daripada 50% kapasiti tenaga elektrik daripada sumber penjanaan tenaga bersih seperti solar, hidroelektrik dan geotermal.

Selepas menamatkan lawatan di Turkiye, YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) akan meneruskan lawatan kerja di London di mana beliau mengetuai delegasi Malaysia ke *Summit on the Future of Energy Security* pada 24 hingga 25 April 2025. Sidang kemuncak antarabangsa anjuran Agensi Tenaga Antarabangsa (*International Energy Agency* - IEA) dan Kerajaan United Kingdom menyediakan platform bagi para pemimpin, penggubal dasar dan pihak berkepentingan untuk berbincang dan bertukar pandangan mengenai keselamatan sumber dan bekalan tenaga, kepentingan kestabilan geopolitik dan ekonomi global serta perkembangan pesat teknologi dalam pembangunan sektor tenaga.

Summit on the Future of Energy Security akan menghimpunkan penyertaan peringkat tertinggi daripada pelbagai negara dan agensi tenaga seperti TYT Sir Keir Starmer, Perdana Menteri United Kingdom, TYT Ed Miliband, *Secretary of State for Energy Security and Net Zero* United Kingdom dan Dr. Fatih Birol, Pengarah Eksekutif IEA. Fokus utama persidangan akan menyentuh mengenai keselamatan sumber dan bekalan tenaga merangkumi pemetaan lanskap keselamatan tenaga serta mengenal pasti risiko, peluang dan tindakan dalam memastikan keterjaminan sumber dan bekalan tenaga.

Kehadiran YAB Timbalan Perdana Menteri merupakan satu pengiktirafan terhadap komitmen, peranan dan pencapaian Malaysia dalam mendepani pelbagai isu berkaitan tenaga khususnya keselamatan bekalan dan peralihan tenaga. Melalui sidang kemuncak ini, dasar sedia ada dan hala tuju negara khususnya berkaitan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR), usaha dan komitmen negara melaksanakan penjana tenaga pada masa hadapan menggunakan sumber bahan api bersih dan teknologi hijau akan dapat diketengahkan.

Hubungan dua hala Malaysia dan United Kingdom akan diperkukuhkan melalui penerokaan potensi kolaborasi dan kerjasama khususnya tentang penggubalan dasar, kawal selia dan perundangan serta memahami cabaran dan kaedah penyelesaian terbaik untuk memastikan keselamatan dan keterjaminan bekalan tenaga.

YAB Timbalan Perdana Menteri akan turut mengadakan perbincangan dua hala dengan Menteri-menteri Tenaga serta ketua-ketua organisasi antarabangsa tenaga. Peluang ini akan dimanfaatkan dengan sebaiknya untuk mempromosikan negara sebagai destinasi pelaburan serta membuka peluang kepada pelbagai pihak berkepentingan untuk mendapatkan penjelasan berhubung dasar dan hala tuju negara, khususnya dalam membangunkan sektor tenaga dan teknologi rendah karbon ke arah menyokong aspirasi peralihan tenaga negara.